

NO. SOALAN : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)

NO. SOALAN : 14

Dato' Mansor bin Othman (Nibong Tebal) minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci peranan dan bidang tugas Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) dan apakah cadangan-cadangan dasar yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa kepada pihak Kerajaan semenjak ianya ditubuhkan terutama sekali dalam hal-hal sumbangan dana pembiayaan politik pilihan raya dari luar negara.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri

pada 14 Ogos 2015 adalah bertujuan bagi menyediakan proses konsultatif untuk ahli-ahli masyarakat sivil membincangkan cara-cara meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam kalangan parti-parti politik dan ahli politik mendapatkan dana bagi tujuan aktiviti politik.

Peranan dan bidang tugas JKNMPP adalah tertakluk kepada terma rujukan seperti berikut:-

1. mengenal pasti, membincang dan menangani isu-isu pемbiayaan politik parti-parti politik dan ahli politik;
2. memeriksa dan menilai amalan terbaik, mekanisme undang-undang dan peraturan yang digunakan di negara-negara lain bagi membendung dan mencegah rasuah dalam pемbiayaan politik;
3. untuk memeriksa dan menilai institusi sokongan yang sesuai atau rangka kerja untuk menyelia dan memantau pемbiayaan politik kepada parti politik dan ahli politik;
4. menggubal keperluan perundangan dan kawal selia yang sesuai bagi memudahkan pengawasan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pемbiayaan politik;
5. memberi khidmat nasihat kepada kumpulan berkepentingan dan pihak berkepentingan yang lain mengenai mekanisme pемbiayaan politik yang berintegriti; dan

6. akhir sekali, untuk membuat syor kepada Jemaah Menteri mengenai undang-undang yang diperlukan, peraturan-peraturan dan institusi sokongan untuk mentadbir dan memantau pematuhan terhadap mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti.

Pada 30 September 2016, JKNMPP telah mengumumkan sebanyak 32 cadangan bagi menangani isu-isu yang melibatkan pembiayaan politik yang mana laporan lengkap tersebut boleh diperoleh melalui laman sesawang www.politicalfinancing.my.

Sekian, terima kasih.